

Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Bertutur

Arabic Language Vocabulary Size and its Relation with Speaking Skills

Abdul Razif Bin Zaini¹ & Mohd. Zaki Bin Abd. Rahman²

ABSTRAK

Saiz kosa kata mempunyai hubungan langsung dengan pencapaian dan kemahiran-kemahiran bahasa. Objektif utama kajian adalah mengukur saiz kosa kata reseptif pelajar jurusan pengajian Islam dan bahasa Arab, menentukan tahap kecekapan lisan mereka serta menilai hubungan antara kedua-duanya. Satu set soal selidik dan dua bentuk ujian digunakan bagi pengumpulan data. Arabic Vocabulary Level Test (aVLT) yang diadaptasi dari Vocabulary Level Test (Nation, 1998, 2001) ditadbir bagi mengenal pasti saiz kosa kata reseptif responden. Manakala ujian lisan dengan reka bentuk Simulated Oral Proficiency Interview (SOPI) digunakan untuk menilai tahap kecekapan bertutur responden. Responden kajian terdiri daripada 227 orang pelajar ijazah sarjana muda pengajian Islam dan bahasa Arab dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden memiliki saiz kosa kata di bawah paras minimum. Tahap kecekapan lisan mereka pula berada pada tahap sederhana dan korelasi antara kedua-duanya menunjukkan nilai koefisien 0.592. Hubungan signifikan yang wujud antara saiz kosa kata dan kemahiran bertutur pelajar menjelaskan tahap kecekapan bertutur pelajar meningkat dengan peningkatan saiz kosa kata. Kajian mencadangkan agar pembangunan kata pelajar perlu mengambil kira tiga aspek penting iaitu aspek kecukupan, tahap kerelevanan kata dan keupayaan menggunakan kata yang dikuasai.

Kata Kunci: Saiz kosa kata, kosa kata reseptif, kemahiran bertutur

ABSTRACT

The vocabulary size has a direct relation to the achievement and language skills. The main objective of the study is to measure the size of the receptive vocabulary of Islamic studies and Arabic language, to determine their level of oral proficiency and to assess the relationship between the two. A set of questionnaires and two forms of testing were used for data collection. The Arabic Vocabulary Level Test (aVLT) adapted from the Vocabulary Level Test (Nation, 1998, 2001) is administered to identify respondents' receptive vocabulary sizes. While oral test with Simulated Oral Proficiency Interview (SOPI) design is used to assess the level of competence spoken by respondents. Respondents of the study consisted of 227 undergraduate and Islamic studies students from the International Islamic University College Selangor, Malaysia. The findings show that the majority of respondents have vocabulary sizes below the minimum level. Their oral efficiency level was at moderate level and the correlation between the two showed a coefficient of 0.592. The significant relationship between vocabulary and student-speaking skills explains the level of student-speaking efficiency increases with increased vocabulary. The study suggests that the development of

¹ Abdul Razif Bin Zaini, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, abdulrazif@kuis.edu.my

² Mohd. Zaki Bin Abd. Rahman, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, mzakirah@um.edu.my

the word of the student should take into account three important aspects of the adequacy aspect, the degree of relevance of the word and the ability to use the word being mastered.

Keywords: *vocabulary size, receptive vocabulary, speaking skills*

Pendahuluan

Kosa kata merupakan himpunan sejumlah perkataan yang terdapat dalam sesuatu bahasa dan berperanan membentuk sistem leksikalnya. Ia dianggap sebagai stok perkataan asas yang dapat dirujuk oleh penutur ketika melalui pelbagai situasi bahasa yang juga dikenali sebagai leksikon (Nathesan, 2011). Jumlah atau kuantiti perkataan yang dikuasai atau dimiliki oleh seseorang individu diistilahkan sebagai saiz kosa kata (Nakatake, 2011).

Kajian dalam bidang pemerolehan kosa kata bagi penutur jati menyatakan bahawa semua perkataan mempunyai nilai dan tahap keutamaan yang sama, namun dalam bidang pemerolehan bahasa kedua yang berasaskan frekuensi hanya sebahagian perkataan sahaja dibuktikan mempunyai nilai penggunaan yang tinggi berbanding perkataan-perkataan yang lain (McKeown & Beck, 2004; Nation, 2001; McCarthy, 1992).

Pelajar bahasa kedua dilapor memerlukan sekurang-kurangnya 2000 kosa kata berfrekuensi tinggi bagi memperoleh 80 % kefahaman terhadap teks yang dibaca (Schmitt, 2000; Nation & Waring, 1997; Hwang & Nation, 1995; Meara, 1996). Sekiranya sesuatu proses pembelajaran bermatlamatkan *survival* dan kelangsungan dalam komunikasi, 2000 perkataan merupakan satu jumlah yang realistik dan mampu membekalkan asas yang kukuh bagi proses pemahaman teks atau interaksi (Meara, 1996) dan begitu juga untuk tujuan ke peringkat pembelajaran lebih tinggi (Schmitt, 2000). Saiz kosa kata turut dilapor mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran bahasa (Staehr, 2009; Llach & Gallego, 2009), pencapaian akademik, dan kecekapan bahasa secara umum (Nation, 2000; Read, 2000; Meara, 1996; Laufer, 1996, 1998).

Saiz kosa kata dan Pembelajaran Bahasa Kedua

Secara purata, penutur jati dianggarkan memiliki antara 12 000 hingga 20 000 perkataan (McCarten, 2007 dalam 'Abd al-Bari, 2011; Goulden, Nation dan Read, 1990). Bagi pelajar bahasa kedua, jumlah ini dianggap besar dan kajian berasaskan frekuensi memberikan petunjuk yang jelas bahawa hanya sebahagian perkataan sahaja mempunyai nilai penggunaan yang tinggi berbanding perkataan-perkataan yang lain (McKeown & Beck, 2004; Nation, 2001; McCarthy, 1992). Menurut Nation (2001:9) “ ... *studies of native speakers' vocabulary growth see all words as being of equal value to the learner. Frequency based studies show very strikingly that this is not so, and that some words are much more useful than other*”

Penguasaan 2000 perkataan berfrekuensi tinggi adalah realistik dan ia merupakan pendapat yang dipersetujui oleh ramai pengkaji. Jumlah ini adalah had yang perlu dilepasi oleh pelajar bagi melayakkan diri untuk mengikuti pengajian di peringkat tinggi (Nation, 2001; Schmitt, 2000; Meara, 1996; Hwang & Nation, 1995). Dengan penguasaan ini, pelajar dianggarkan mampu memahami lapan perkataan bagi setiap sepuluh perkataan yang ditemui dalam sesebuah interaksi secara purata.

Saiz kosa kata dan kemahiran bertutur

Saiz kosa kata telah dibuktikan mempunyai hubungan yang kukuh dengan bahasa secara keseluruhannya (Nation, 2001; Read, 2000; Meara, 1996; Laufer, 1996, 1998). Saiz kosa kata juga didapati berkorelasi dengan kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan menulis (Staeher, 2008; Llach & Gallego, 2009). Saiz kosa kata dianggap sebagai penanda aras dan peramal yang efektif dalam menentukan tahap kecekapan individu dalam kemahiran-kemahiran tersebut (Laufer & Ravenhorst-Kalovski, 2010, Nation, 2001). Dalam konteks pertuturan, saiz kosa kata turut dilaporkan mempunyai hubungan dengan kemahiran ini di pelbagai peringkat, sangat diperlukan dalam komunikasi dan proses ini tidak mungkin berlaku tanpa kewujudan kata (Koizumi, 2005).

Kosa kata merupakan asas dalam bahasa terutama bagi tujuan komunikasi. Seseorang individu mungkin mampu berinteraksi dengan menggunakan beberapa perkataan walaupun tanpa susunan dan tatabahasa yang betul, namun kesalahan menggunakan perkataan dengan tepat pasti akan menjejaskan perannya sebagai pengantara komunikasi (Lightbown & Spada, 2011). Kesalahan penggunaan perkataan yang tepat dalam komunikasi lisan mahupun penulisan akan mengakibatkan berlakunya komplikasi yang bakal menggagalkan peranan bahasa dan matlamat pembelajarannya (Pujol, 2008). Dan menurut Old (2009:1), “*One limiting factor of communication is the lack of an adequate vocabulary*”.

Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan mengukur saiz kosa kata reseptif pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua, menentukan tahap kecekapan lisan mereka serta menilai hubungan antara kedua-duanya.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengukur saiz kosa kata bahasa Arab pelajar dan menilai tahap kecekapan lisan mereka. Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk korelasi dijalankan bagi menentukan hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian dan digunakan untuk membuat ramalan pada keputusan kajian (Azizi Yahya et.al, 2010).

Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada 520 orang pelajar ijazah sarjana muda pengajian Islam dan bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia (KUIS). Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), bagi populasi seramai 520 orang, sampel kajian yang diperlukan adalah seramai 226 orang. Pemilihan sampel dibuat menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

Instrumen Kajian

Satu set soal selidik, ujian pengukuran saiz kosa kata bahasa Arab - aVLT (berdasarkan format *Vocabulary Level Test - VLT*), ujian kecekapan lisan Bahasa Arab (berdasarkan format *Simulated Oral Proficiency Interview - SOPI*) adalah instrumen yang digunakan untuk tujuan tersebut.

i. Soal Selidik

Set soal selidik ini mengandungi beberapa soalan berkaitan maklumat demografi responden.

ii. Ujian Saiz Kosa Kata (aVLT)

Ujian ini direka bentuk menggunakan format *Vocabulary Level Test* (VLT) oleh Nation (1983, 1990). aVLT dipilih sebagai instrumen dalam kajian ini kerana ia telah terbukti sebagai salah satu alat yang berkesan digunakan bagi tujuan diagnostik untuk mengukur saiz kosa kata individu khususnya bagi penutur bukan jati (Read, 2001). Ia juga dianggap sebagai alat yang paling hampir dengan piawai pengukuran saiz kosa kata (Meara, 1996).

Format ujian ini berbentuk padanan definisi perkataan. Responden dikehendaki memadankan perkataan yang disenaraikan dengan item yang didatangkan dalam bentuk definisi perkataan. aVLT dalam kajian ini menguji tiga tahap kata iaitu tahap 1000 kata, tahap 2000 kata dan tahap 3000 kata. Setiap tahap mengandungi enam soalan dengan setiap satunya mempunyai tiga item dengan enam pilihan jawapan. Ini bermakna, bagi setiap tahap, sebanyak 18 item soalan diperuntukkan dengan 36 sampel perkataan sebagai pilihan jawapan dan jumlah keseluruhan perkataan bagi ketiga-tiga tahap yang diuji adalah 54 patah perkataan dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

iii. Ujian Kecekapan Lisan B. Arab Bersimulasi (aSOPI)

Simulated Oral Proficiency Interview (SOPI) ialah satu bentuk ujian yang berbentuk separa terus dan tidak memerlukan situasi bersemuka sepenuhnya. Ujian ini adalah ujian berperantara media melibatkan proses rakaman dalam bentuk audio. Ia mengandungi tiga bahagian pembukaan “*warm up*”, utama “*core*” dan penutup “*wind down*” (Stanfield, 1989, Chatham, 2004). Penilaian bagi ujian ini dibuat selepas ujian selesai. Tahap kecekapan lisan pelajar ditentukan berpandukan Garis Panduan Kecekapan Lisan ACTFL (*American Council on the Teaching Foreign Language*) dan ILR (*Interagency Language Roundtable*) (Chatham, 2004).

Prosedur Kajian

Kajian dijalankan dalam waktu perkuliahan pelajar. Pengkaji terlebih dahulu memaklumkan tujuan kajian. Penyertaan pelajar adalah sukarela dan mereka dimaklumkan bahawa segala maklumat adalah rahsia. Responden diminta mengisi borang soal-selidik yang dibekalkan dan seterusnya dikehendaki melengkapkan Ujian Saiz Kosa Kata Bahasa Arab (aVLT) yang dilampirkan bersama. Selesai aVLT dijalankan, responden ditempatkan di makmal bahasa khusus dan dikehendaki melengkapkan prosedur seterusnya, iaitu Ujian Kecekapan Lisan Bahasa Arab Bersimulasi (aSOPI). Responden perlu menjawab soalan-soalan lisan yang dibekalkan dalam bentuk rakaman audio dan disimpan berdasarkan ketetapan yang telah ditentukan dalam buku panduan.

Analisis Data

Saiz kosa kata ditentukan menggunakan peratusan. Saiz kosa kata pelajar ditentukan dengan berpandukan kepada jadual 1. Tahap kecekapan lisan pelajar ditentukan menggunakan Garis Panduan Kecekapan Lisan ACTFL (*American Council on the Teaching Foreign Language*) dan ILR (*Interagency Language Roundtable*) (Chatham, 2004) seperti dalam jadual 2. Semua data yang diperolehi, dikumpul dan diproses menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences V20.0* (SPSS V20.0) untuk tujuan interpretasi hubungan. Nilai korelasi (nilai r) ditentukan berpandu kepada jadual 3. Jadual-jadual dinyatakan adalah seperti tertera di bawah:

Jadual 1: Saiz Kosa kata Bahasa Arab Pelajar

Skor Ujian	Perkataan Dikuasai	Saiz Kosa Kata
0-18	0 hingga 1000	1k
19-36	1001 hingga 2000	2k
37-54	2001 hingga 3000	3k

Jadual 2: Tahap Kecekapan Lisan Pelajar

Asas	Pertengahan	Lanjutan	Tinggi
0.00 – 0.99	1.00 – 1.99	2.00 – 2.99	3.00 – 3.99

Diadaptasi : *ACTFL Proficiency Guidelines-Speaking (Revised 1999)*

Jadual 3: Interpretasi Nilai Korelasi

Nilai Pekali Korelasi	Kekuatan Perkaitan
0.00	Tiada Korelasi
< 0.19	Sangat Rendah
0.20 – 0.39	Rendah
0.40 – 0.69	Sederhana
0.70 – 0.89	Tinggi
0.90 – 1.00	Sangat Tinggi

(Sumber: Cohen & Holliday, 1982)


Dapatan Kajian

Saiz kosa kata Reseptif Pelajar

Data statistik dalam jadual di atas menunjukkan bahawa skor min bagi tahap 1000 kata adalah (min = 8.30; SD = 3.444), tahap 2000 kata adalah (min = 8.08; SD = 3.657) dan tahap 3000 kata adalah (min = 5.78; SD = 3.428). Dapatan ini menjelaskan bahawa secara purata, pelajar menguasai 461 perkataan daripada kelompok 1000 kata pertama, 449 perkataan daripada kelompok 1000 kata kedua dan 321 kata daripada kelompok 1000 kata ketiga seperti dalam rajah di bawah. Data menunjukkan penurunan saiz kata yang konsisten dengan peningkatan tahap kata. Data ini juga menjelaskan bahawa purata perkataan yang dikuasai oleh pelajar secara keseluruhannya adalah 1231 kata.

Graf di bawah menunjukkan 9 pelajar menguasai 0-500 kata, 77 pelajar (501-1000 kata), 96 pelajar (1001-1500 kata), 24 pelajar (1501-2000 kata), 13 pelajar (2001 – 2500) dan 8 pelajar bagi (2501 – 3000 kata). Dengan mengkategorikan tahap penguasaan kepada tiga kelompok kebanyakan responden berada pada tahap penguasaan sederhana. Seramai 86 orang pelajar (38.0%) berada pada kelompok rendah, 119 pelajar (52.9%) pada kelompok sederhana dan hanya 21 pelajar (9.1%) pada kelompok tinggi. Penelitian ke atas data ini juga menunjukkan hanya 103 orang pelajar sahaja (45.37%) didapati memiliki di atas saiz purata 1231 perkataan.

Graf 1: Taburan Penguasaan Kos Kata Pelajar



Tahap Kecekapan Lisan Pelajar

Jadual 4: Kategori_Markah_Lisan

	Tahap	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	0.00 - 0.99	124	54.6	54.6	54.6
	1.00 - 1.99	80	35.2	35.2	89.9
	2.00 - 2.99	18	7.9	7.9	97.8
	3.00 - 3.99	5	2.2	2.2	100.0
Total		227	100.0	100.0	

Jadual 4 di atas memaparkan tahap kecekapan lisan pelajar berdasarkan kriteria asas, sederhana, lanjutan dan tinggi. Data statistik dalam jadual di atas menunjukkan bahawa tahap asas diwakili oleh 124 orang pelajar (54.6%), tahap sederhana 80 orang pelajar (35.3%), tahap lanjutan 18 orang pelajar (7.9%) dan tahap tinggi 5 orang pelajar (2.2%). Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kecekapan lisan bagi responden kajian berada pada tahap sederhana secara purata (min=1.58). Dapatan juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada pada tahap sederhana dan ke bawah (89.9%) serta jumlah pelajar berkurangan secara konsisten dengan peningkatan tahap kecekapan lisan.

Hubungan Antara Saiz Kos Kata (SKK) dan Tahap Kecekapan Lisan Pelajar

Jadual 5: Korelasi Antara SKK Dengan Kecekapan Lisan

		SKK_Keseluruhan	Markah_Ujian_Lisan
SKK_Keseluruhan	Pearson Correlation	1	.592**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	227	227
Markah_Ujian_Lisan	Pearson Correlation	.592**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	227	227

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Pearson product-moment correlation coefficient telah ditadbir bagi mengenal pasti hubungan di antara saiz kos kata pelajar dengan kecekapan bertutur. Jadual di atas menunjukkan

wujudnya hubungan yang signifikan di antara saiz kosa kata dan kecekapan bertutur di mana pekali korelasi $r = 0.592$, $n = 227$, $p = 0.00$ ($p < 0.01$). Hal ini menolak hipotesis nul (H_0). Secara keseluruhannya, hubungan di antara saiz kosa kata pelajar dan kecekapan bertutur berada pada tahap sederhana dan positif. Dapatan ini juga menjelaskan apabila saiz kosa kata meningkat, tahap kecekapan lisan pelajar juga diramal turut meningkat.

Perbincangan

Dapatan kajian yang diperolehi mengesahkan senario yang dilapor oleh kebanyakan kajian terdahulu. Kekurangan kurang kosa kata yang dikatakan sebagai salah satu punca kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab berada pada tahap yang agak membimbangkan (lihat Abdul Halim et. al, 2010; Abdul Rahman, 2009; Wan Mohd Abrisam, 2002; Dahab, 1999; Hawatemeh, 1999; Ismail, 1999; Rusniza, 1998; Hamzah, 1997; Tarmizi, 1997; Ahmad Fikri, 1995; Sohair, 1990).

Data statistik yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah kosa kata bahasa Arab bagi pelajar-pelajar Melayu secara purata berada dalam lingkungan 1231 patah perkataan. Jumlah ini dikatakan berada di bawah paras minimum berdasarkan ketetapan yang digariskan oleh beberapa kajian (Meara, 2001; Nation, 2001; Schmitt, 2000; Read, 2000; Carter, 1998). Dengan jumlah ini pelajar dijangka kurang berkemampuan untuk mencapai had kecekapan umum bahasa (Meara, 2001; Nation, 2001) khususnya dalam aspek pertuturan. Dapatan menunjukkan bahawa hanya 9% pelajar sahaja yang berjaya melepasi had tersebut. Majoriti pelajar hanya menguasai 1999 perkataan dan ke bawah iaitu di bawah had penguasaan minimum. Dapatan ini turut selari dengan dapatan beberapa kajian yang dijalankan dalam konteks pembelajaran bahasa kedua yang lain seperti (Sutarsyah, Nation, and Kennedy, 1994). Dapatan ini telah menjawab persoalan kajian yang pertama.

SKK pelajar mempunyai hubungan langsung dengan kecekapan pertuturannya. SKK pelajar berkorelasi secara signifikan dengan kecekapan lisan pelajar dan aras positif menunjukkan apabila SKK pelajar meningkat kecekapan lisan mereka juga bakal meningkat. Dapatan ini mengukuhkan dapatan-dapatan kajian terdahulu. SKK pelajar berkorelasi dengan pencapaian akademik dan kemahiran-kemahiran asas bahasa termasuk kemahiran bertutur (Llach & Gallego, 2009; Staehr, 2009; Read, 2000; Nation, 2001; Meara, 1996; Laufer, 1996, 1998). Ia memberikan isyarat yang cukup jelas bahawa penguasaan aspek pertuturan menuntut pemilikan sejumlah SKK yang besar, mencukupi dan relevan.

Secara keseluruhannya, pelajar yang mempunyai SKK yang besar dan menguasai ke semua tahap yang diuji memiliki tahap kecekapan lisan yang sangat baik. Pemilihan dan penggunaan kata dilakukan dengan sempurna dan sesuai dengan situasi lisan yang diuji. Rata-rata perkataan yang digunakan adalah dalam lingkungan kata tahap-tahap yang diuji dan digarap dengan begitu baik dalam konteks penggunaannya.

Pelajar yang mempunyai SKK yang tinggi mempunyai keupayaan untuk memahami setiap perkataan yang didengarinya. Semakin tinggi SKK yang dimiliki, maka semakin besar liputan kefahamannya terhadap perkataan dan ungkapan yang didengar, seterusnya memberikan refleksi yang baik dalam komunikasi. Penguasaan sekurang-kurangnya 2000 kata berfrekuensi tinggi akan membekalkan 84.3 % liputan kefahaman terhadap teks berbentuk lisan dan ia menjamin interaksi bahasa yang baik (Nation, 2001).

Penutup

Dapatan ini membuktikan bahawa SKK pelajar mempunyai keperluan untuk dibangunkan. Pembangunan SKK pelajar dilihat sekaligus akan membangunkan kecekapan lisan mereka. Faktor linguistik dan psikologi yang mengiringi penguasaan SKK seperti dijelaskan Meara (2001) dilihat mampu dimanfaatkan dalam proses seterusnya iaitu perluasan kosa kata.

SKK bukanlah penentu mutlak bagi penguasaan kecekapan bertutur. Namun, SKK dan keupayaan menggunakan kosa kata sebenarnya menjadi intipati dalam penguasaan bahasa. Dalam konteks kemahiran bertutur, pelajar mempunyai keutamaan membangunkan SKK dan ia perlu disertai dengan keupayaan menggunakannya dengan baik dalam situasi-situasi komunikasi.

Bagi tujuan pembangunan SKK, pelajar disarankan untuk memperoleh sebesar mungkin perkataan dengan memberikan tumpuan kepada tiga aspek penting iaitu aspek kecukupan, tahap kerelevanan kata dan keupayaan mengguna kata yang dikuasai (Taemah, 2005; Sutarsyah, Nation & Kennedy, 1994).

Rujukan

- Abd al-Bari, Maher Sya'ban. (2011). *Ta'lim al-Mufradat al-Lughawiyat*, Amman: Dar al-Masirah.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2010). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan-Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Batu Caves, Selangor: PTS Professional Publishing SDN. BHD.
- Carter, Ronald. (1998). *Vocabulary Applied Linguistic Perspectives*, Second Edition, London and New York: Routledge.
- Chatham, Robert L. (2004). *The Oral Proficiency Interview*. The Defense Language Institute. Dipetik dari <http://www.icao.int/icao/en/anb/meetings/IALS/proceedings/PAPERS/9-Chatham.pdf> [20/06/2012]
- Goulden, R., Nation, I.S.P. and Read, J. (1990). How large can a receptive vocabulary be? *Applied Linguistics* 11, 4: 341-363. Dipetik dari <http://www.victoria.ac.nz/lals/staff/paul-nation-pubsdate.aspx#1990> [10/06/2014]
- Hwang, K. & Nation, I.S.P. (1995). Where Would General Service Vocabulary Stop and Special Purposes Vocabulary Begin. *System* 23, 1: 35-41 Dipetik dari <http://www.victoria.ac.nz/lals/staff/paul-nation-pubsdate.aspx#1990> [10/06/2014]
- Koizumi, Rie. (2005). *Relationships Between Productive Vocabulary Knowledge and Speaking Performance of Japanese Learners of English at the Novice Level*. (Disertasi). University of Tsukuba, Japan.
- Lightbown Patsy M. & Spada, Nina. (2011). *How Languages Are Learned*, 3rd edn, China: Oxford University Press.
- Llach, M. P. A., & Gallego, M. T. (2009). Examining The Relationship Between Receptive Vocabulary Size and Written Skills of Primary School Learners. *Atlantis* (0210-6124), 31(1).
- Laufer, B. (1996). The Lexical Threshold of Second Language Reading Comprehension: What it is and how it Relates to L1 Reading Ability. *Approaches to second language Acquisition*, 55-62.
- Laufer, B. (1998). The Development of Passive and Active Vocabulary in A Second Language: Same or Different?. *Applied Linguistics*, 19/2, 255-271
- Laufer, B., & Ravenhorst-Kalovski, G. C. (2010). Lexical threshold revisited: Lexical text

- coverage, learners' vocabulary size and reading comprehension. *Reading in a Foreign Language*, 22(1).
- Meara, PM (2001). The Importance of an Early Emphasis on L2 Vocabulary, Dipetik dari <http://www.jalt-publications.org/tlt/files/95/feb/meara.htm> [26/05/2014]
- Meara, PM. (1996). The Dimensions of Lexical Competence. This paper first appeared in: G Brown, K Malmkjaer & J Williams (eds.) *Performance and Competence in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press. 35-53.
- McCarthy, Micheal. (1992). *Vocabulary*. Hong Kong: Oxford University Press.
- McKeown, M. G., and I. L. Beck. (2004). Direct and Rich Vocabulary Instruction. *Vocabulary Instruction*, (eds) J. F. Baumann and E. J. Kame'enui, 13-27. New York: Guilford Press.
- Nakatake, Maiko. (2011). The relationship Between Vocabulary Size and The knowledge of Lexical Choice of Japanese Learners of English. Dipetik dari <http://repository.dl.itc.u-tokyo.ac.jp/dspace/bitstream/2261/52652/1/lis00909.pdf> [26/05/2014]
- Nathesan. S. (2011). *Leksikon: Kosa Kata Bahasa*, Dewan Bahasa Ogos 2011, Jilid 11 Bil. 08, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nation, I.S.P. (1990) *Teaching and Learning Vocabulary*, New York: Newbury House.
- Nation, I.S.P. (2001). *Learning Vocabulary in Another Language*, United Kingdom: Cambridge University Press.
- Nation, I.S.P. (1983). Testing and Teaching Vocabulary. *Guidelines* 5, 1: 12-25. Dipetik dari <http://www.victoria.ac.nz/lals/staff/paul-nation-pubsdate.aspx#1980> [10/10/2011]
- Old, Susan R. (2009). The Keyword Method Applied to Root-Learning of Vocabulary. Dipetik dari <http://clearing.missouriwestern.edu/manuscripts/282.php> [4/02/2013]
- Pujol, Immaculada Mirapeix. (2008). *The Influence Of Age On Vocabulary Acquisition in English as Foreign Language*, Universitat de Barcelona.
- Read, J. (2000). *Assesing Vocabulary*. Eds. Alderson, J.C. & Bachman, L.F. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Schmitt, Norbert. (2000). *Vocabulary in Language Teaching*, United States of America: Cambridge University Press.
- Stæhr Lars Stenius. (2009). Vocabulary Knowledge And Advanced Listening Comprehension In English As A Foreign Language. *Studies in Second Language Acquisition*, 31, pp 577-607 doi:10.1017/S0272263109990039
- Stanfield, CW. (1989). Simulated Oral Proficiency Interview. ERIC Clearinghouse on Languages and Linguistics: Washington DC. Dipetik dari <http://www.cal.org/resources/archive/digest/1989sopi.html> [15/06/2014]
- Sutarsyah, C., Nation, I.S.P. and Kennedy, G. (1994). How Useful is EAP Vocabulary for ESP? A Corpus Based Case Study. *RELC Journal* 25, 2: 34-50.
- Ta'emah, Rushdee. (2005). *al-Kitab al-Jami'iyy, Mauqi'uh wa Ma'ayiruh wa Musykilatuh, al-Qahirat*.
- Waring, R. and Nation, I.S.P. (1997) Vocabulary size, text coverage, and word lists. In *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy* N. Schmitt and M. McCarthy (eds.). Cambridge University Press, Cambridge.